



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN KOS SARA HIDUP NEGERI
PAHANG
*MINISTRY OF DOMESTIC TRADE
AND COST OF LIVING*
BLOK C WISMA BELIA 25200 BANDAR
INDERA MAHKOTA KUANTAN PAHANG
DARUL MAKMUR

Tel: 09-571 7777 / 7778
Portal Rasmi:
www.kpdn.gov.my

Ruj. Kami : KPDNPHG 600-16/2/1(9)
Tarikh : 7 September 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

MEMOHON KERJASAMA BAGI HEBAHAN PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN TAHUN 2023 DI PAHANG (ZON TIMUR) ANJURAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut diatas

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP), KPDN Putrajaya akan menganjurkan Program Padanan Perniagaan di bawah inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun 2023. Program yang memberi fokus kepada peluasan pasaran serta penembusan produk tempatan ke sektor peruncitan (access to retail) ini akan mempertemukan syarikat Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dengan buyer daripada pasar raya besar asing dan tempatan, pasar raya, kedai serbaneka serta pasaran atas talian (marketplace). Program Padanan Perniagaan tahun 2023 akan diadakan mengikut zon dan program di Zon Timur akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 17 September 2023 (Ahad)

Masa : 9.00 Pagi – 5.00 Petang

Tempat : Swiss Belhotel Kuantan, Pahang (Swiss 2, Level 3A)



3. Sehubungan itu, KPDN Negeri Pahang memohon jasa baik pihak Tuan/Puan untuk membuat hebahan berkenaan pelaksanaan program ini bagi meramaikan penyertaan daripada usahawan tempatan. Permohonan penyertaan boleh dibuat melalui Portal Kempen Beli Barangan Malaysia (<https://buymalaysian.com.my/portal/pks-program-details?id=16>) atau hadir secara "walk-in" ke program tersebut. Bersama-sama ini juga dikemukakan poster hebahan program ini untuk rujukan dan tindakan pihak Tuan/Puan selanjutnya.


4. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan **Encik Mohd Najib bin Md Isa** di talian **09-571 7705 / 019-9263664** atau emel **najibisa@kpdn.gov.my**. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(**FATIMAH NAJIWA BINTI AHMAD HASBULLAH**)
b.p. Pengarah
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Kos Sara Hidup
Negeri Pahang

Senarai Edaran :

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan
Pahang Darul Makmur

2. Pengarah
SME Corp Negeri Pahang
Tingkat 9, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

3. Pengarah
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)
Tingkat 16, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota,
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

4. Pengarah
SIRIM Negeri Pahang
Jalan Pintasan Kuantan- Kuala Terengganu
Kawasan Perindustrian Gebeng
26100, Kuantan
Pahang Darul Makmur

5. Pengurus
TEKUN Nasional Negeri Pahang
No. 17, Tingkat 1
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh
Pahang Darul Makmur



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
KOS SARA HIDUP

Program PADANAN PERNIAGAAN

[#BARANGBAINBARANGKITA]



@ ZON TIMUR

TERBUKA
SEMUA
USAHAWAN
PMKS !

TARIKH

**17 SEPTEMBER 2023
(AHAD)**



MASA

9.00 PAGI - 5.00 PETANG



TEMPAT

**SWISS-BELHOTEL KUANTAN,
PAHANG**



SYARAT PENYERTAAN



Berdaftar sebagai usahawan KPDN (<https://buymalaysian.com.my> bagi yang belum berdaftar) atau penyertaan secara "walk-in" ke program Padanan Perniagaan.



Mempunyai produk dengan pembungkusan lengkap dan menarik.



Dokumen sokongan sijil Halal Jakim, NPRA dan yang lain-lain jika berkaitan.

PERNYERTAAN PERCUMA, DAFTAR SEKARANG!



03-8882 6399/7013/5769

<https://buymalaysian.com.my/>

